



**INSTITUT AMINUDDIN BAKI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**



SEMINAR NASIONAL PENGURUSAN DAN KEPEMIMPINAN PENDIDIKAN KE-10

30 OKTOBER - 1 NOVEMBER 2001

*Kertas Seminar 12: Masalah-Masalah
Profesional Guru-Guru Permulaan
Di Sekolah-Sekolah Menengah
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*

**PUAN ZURAI DAH BINTI ABDUL MAJID
Dr. HAJI MOHAMMED SANI BIN HAJI IBRAHIM
Universiti Kebangsaan Malaysia**

DENGAN KERJASAMA

UTUSAN MELAYU (MALAYSIA) BERHAD

Masalah-Masalah Profesionalisme Guru-Guru Permulaan Di Sekolah-Sekolah Menengah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Oleh:

Zuraidah bt. A. Majid
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Bangi, Selangor.

ABSTRAK

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat masalah-masalah yang dihadapi oleh guru-guru permulaan di sekolah menengah. Fokus kajian ialah masalah profesionalisme di kalangan guru-guru permulaan. Masalah-masalah tersebut dilihat dari segi kaedah pengajaran, beban kerja, bahan pengajaran, disiplin pelajar, perhubungan kemanusiaan, pengurusan bilik darjah, penilaian pembelajaran, keperibadian pelajar, kegiatan kokurikulum dan perkembangan profesionalisme. Selain itu pengkaji juga cuba meninjau bantuan-bantuan yang diberi kepada guru-guru permulaan. Pengkaji juga mendapatkan cadangan-cadangan guru-guru permulaan tentang langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengatasi masalah-masalah guru permulaan. Kajian dilaksanakan secara tinjauan yang menggunakan rawak persampelan mudah. Model kajian adalah berasaskan model perkembangan guru. Alat kajian yang digunakan ialah soal-selidik. Sampel kajian adalah seramai 250 orang, terdiri daripada guru-guru permulaan di sekolah-sekolah menengah Wilayah Persekutuan yang tempoh mengajar mereka antara satu hingga tiga tahun. Sampel kajian adalah berdasarkan jadual dan formula yang dikemukakan oleh Krejcie dan Morgan. Pengkaji menggunakan beberapa teknik penganalisisan data. Min untuk melihat masalah-masalah utama yang dihadapi oleh guru-guru permulaan. Ujian t untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan masalah di antara guru permulaan lelaki dengan guru permulaan wanita. Analisa Varians Sehalu digunakan untuk melihat masalah guru permulaan di sekolah menengah harian, sekolah berasrama dan sekolah kawalan. Pengkaji juga menggunakan frekuensi dalam meninjau bantuan-bantuan yang diberi kepada guru-guru permulaan. Data-data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan 'Statistical Package for the Science Social (SPSS) versi 9.0. Hasil kajian menunjukkan bahawa masalah utama yang dihadapi oleh guru-guru permulaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ialah masalah keperibadian pelajar (min 3.01) dan masalah kegiatan kokurikulum (min 3.00). Kajian juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara guru-guru permulaan lelaki dengan guru-guru permulaan perempuan dalam masalah kegiatan kokurikulum dan masalah perkembangan profesionalisme pada tahap signifikan <0.05 . Selain itu terdapat juga perbezaan yang signifikan antara guru-guru permulaan yang mengajar di sekolah menengah harian, sekolah berasrama dan sekolah kawalan dalam masalah kaedah pengajaran dan masalah disiplin pada tahap signifikan <0.05 .

Kertas kerja ini telah dibentangkan di dalam Seminar Nasional Ke 10 Pengurusan Dan Kepemimpinan di Institut Aminuddin Baki, Sri Layang, Genting Highlands pada 30 Oktober hingga 1 November 2001.

PENGENALAN

LATAR BELAKANG KAJIAN

Guru memainkan peranan utama sebagai penyampai maklumat dan kemahiran kepada para pelajar. Lazimnya transisi guru pelatih beralih menjadi guru bertauliah (guru terlatih) dianggap sebagai satu keadaan yang 'tidak bermasalah'. Guru permulaan dianggap mempunyai kemahiran untuk memikul segala tanggungjawab dengan cekap. Namun begitu sebagai guru permulaan yang kurang berpengalaman berbanding dengan guru yang telah lama dalam profesion perguruan, mereka tentunya kurang arif tentang cara-cara mengurangkan beban dan tekanan yang hadapi (Moron 1990).

Biasanya guru permulaan akan mengalami 'kejutan transisi' apabila menghadapi keadaan sebenar di sekolah (Veenman 1984). Hoffman (1986) menyatakan kejayaan seseorang guru permulaan menyesuaikan dan membiasakan diri dalam situasi persekitaran yang baru adalah penting untuk membolehkan beliau meneruskan perkembangan kerjayanya dalam profesion perguruan.

MASALAH KAJIAN

Guru permulaan mendapati apa yang dialami semasa program latihan perguruan adalah berbeza sama sekali dengan perjalanan seharian di bilik darjah (Veenman 1984). Oleh kerana proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah unik dan kompleks, berkemungkinan guru permulaan menghadapi masalah dalam proses penyesuaian dan sosialisasi kepada situasi kerja yang baru. Setiap guru permulaan mempunyai ciri personaliti, minat dan kebolehan berbeza. Situasi pengajaran dan pembelajaran juga menunjukkan jurang perbezaan ketara dari segi kemudahan pembelajaran, latar belakang, pelajar, jenis sekolah dan lokasinya. Oleh itu, pertembungan antara guru permulaan dengan pelbagai jenis realiti di bilik darjah akan menimbulkan kesan dan kesulitan yang berbeza kepada mereka dalam proses melaksanakan peranan dan tanggungjawab kepada pelajar di bilik darjah.

KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Guru permulaan biasanya akan mengalami apa yang dikatakan 'kejutan' transisi', apabila menghadapi keadaan sebenar di sekolah (Veenman 1984). Guru permulaan selalunya tidak diberikan pendedahan dan persediaan yang secukupnya untuk mengatasi 'kejutan transisi' atau 'kejutan realiti' semasa mereka baru memulakan tugas. Dalam jangkamasa ini guru permulaan tercari-cari panduan yang dapat membantu membina keyakinan diri mereka. Sekiranya gagal, mereka akan mempunyai sikap negatif terhadap profesion perguruan (Rosenholt 1986). Ini akan meninggalkan beberapa kesan ke atas diri guru tersebut dan juga profesionnya.


Muller-Fahbordt, Coetta dan Dann (1978) telah mengenalpasti tanda-tanda 'kejutan realiti' yang dialami oleh guru-guru permulaan. Tanda-tanda itu adalah seperti berikut:

- (a) Persepsi masalah (termasuk tekanan-tekanan dan masalah-masalah yang dihadapi, sungutan tentang beban tugas dan tekanan);

- (b) Perubahan tingkahlaku (perubahan dalam tingkahlaku mengajar yang sifatnya bertentangan dengan kepercayaan diri sendiri dan ini disebabkan tekanan dari luar.
- (c) Perubahan sikap (misalnya dari progresi ke konservatif);
- (d) Perubahan personiliti (termasuk konsep sendiri);
- (e) Berhenti menjadi guru.

Veenman (1984), telah membuat rumusan hasil kajian yang dijalankan oleh beberapa orang pengkaji sejak 60 tahun yang lalu. Beliau merumuskann bahawa terdapat lapan masalah yang paling kerap dihadapi oleh guru-guru permulaan mengikut pengamatan mereka ialah masalah disiplin dalam bilik darjah, memotivasikan murid, menangani perbezaan individu mereka, menilai kerja mereka, hubungan dengan ibu bapa, organisasi tugas bilik darjah, kekurangan alat bantu mengajar serta bekalan dan menangani masalah individu mereka (Veenman 1984). Pengkaji akan menggunakan hasil dapatan yang dikemukakan oleh Veenman (1984) dan Muller-Fahbrodt, Cloetta dan Dann (1978), dalam membina kerangka konsepsual kajian seperti dalam Rajah 1.1.

RAJAH 1.1 Kerangka Konsepsual Kajian



Kerangka konseptual kajian yang dibina oleh pengkaji adalah berasaskan kepada hasil-hasil kajian yang telah dijalankan. Dalam Rajah 1.1, ditunjukkan bahawa pada peringkat awal menjalankan tugas, guru permulaan akan mengalami 'kejutan realiti' (Veenman 1984). Dalam masa ini guru permulaan akan berhadapan dengan pelbagai masalah. Mengikut Veenman (1984) terdapat lapan masalah yang sering ditemui dalam kajian-kajian tentang guru-guru permulaan. Masalah-masalah tersebut ialah mengawal disiplin di bilik darjah, memotivasikan pelajar, menangani masalah perbezaan individu., menilai kerja pelajar, hubungan dengan ibu bapa, mengorganisasi bilik darjah, kekurangan alat bantu atau sumber untuk mengajar dan menangani masalah individu.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti masalah-masalah profesionalisme yang dihadapi oleh guru-guru permulaan di sekolah-sekolah menengah di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

Objektif Kajian

- (a) Kajian ini adalah untuk menentukan sama ada guru permulaan di sekolah-sekolah menengah di wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur menghadapi masalah profesionalisme.
- (b) Kajian ini adalah untuk mengenal pasti masalah-masalah profesionalisme yang dihadapi oleh guru-guru permulaan.
- (c) Kajian ini adalah untuk melihat masalah profesionalisme yang utama yang dihadapi oleh guru-guru permulaan.
- (d) Kajian ini adalah untuk melihat sama ada terdapat perbezaan masalah profesionalisme di antara guru permulaan lelaki dengan guru permulaan perempuan.
- (e) Kajian ini adalah untuk melihat sama ada melihat sama ada terdapat perbezaan masalah di kalangan guru permulaan yang mengajar di sekolah harian, sekolah kawalan dan sekolah berasrama.
- (f) Kajian ini untuk menentukan sama ada terdapat bantuan yang diberi kepada guru permulaan.
- (g) Kajian ini adalah untuk mendapatkan cadangan atau pandangan guru-guru permulaan dalam mengatasi masalah yang dihadapi.
- (h) Kajian ini adalah untuk mendapatkan pandangan daripada pengetua-pengetua tentang masalah-masalah profesionalisme yang dihadapi oleh guru-guru permulaan.

Persoalan Kajian

- (a) Adakah terdapat masalah profesionalisme di kalangan guru permulaan di sekolah-sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur?
- (b) Apakah masalah profesionalisme utama yang dihadapi oleh guru-guru permulaan?
- (c) Adakah terdapat perbezaan masalah profesionalisme yang dihadapi oleh guru-guru permulaan lelaki dengan guru-guru permulaan perempuan?

- (d) Adakah terdapat perbezaan masalah profesionalisme yang dihadapi oleh guru-guru permulaan yang mengajar di sekolah menengah harian, sekolah berasrama dan sekolah kawalan?
- (e) Adakah guru-guru permulaan di sekolah menengah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, mendapat bantuan dalam mengatasi masalah profesionalisme yang mereka hadapi?
- (f) Apakah cadangan atau saranan guru permulaan untuk mengurangkan masalah profesional yang mereka hadapi?
- (g) Apakah pandangan pengetua-pengetua tentang masalah profesionalisme yang dihadapi oleh guru-guru permulaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur?

DEFINISI ISTILAH

Beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini mempunyai makna khusus untuk kajian ini sahaja. Antara istilah tersebut ialah:

Guru Permulaan

Guru permulaan didefinisikan sebagai guru baru yang terlatih dan mula berkhidmat antara satu hingga tiga tahun, dalam tempoh percubaan dan belum disahkan lagi dalam jawatan.

Masalah Profesionalisme

Masalah profesionalisme guru-guru permulaan dalam konteks kajian, ialah halangan dan kesulitan dalam bilik darjah yang dihadapi oleh guru permulaan.

Kepuasan Kerja

Dalam kajian ini konsep kepuasan kerja merujuk kepada perasaan guru permulaan terhadap tugas atau profesion perguruan.

Sekolah Menengah

Dalam kajian ini pelbagai sekolah menengah merujuk kepada Sekolah Menengah Kebangsaan Harian Biasa dan Sekolah Menengah Kawalan.

TINJAUAN LITERATUR

MODEL PERKEMBANGAN GURU

Ryan (1986) menjelaskan bahawa guru akan melalui peringkat 'fantasi', peringkat 'survival', peringkat 'kepakaran' dan akhirnya peringkat 'impak'. Peringkat 'fantasi', bermula apabila seseorang itu memikirkan dengan serius untuk menjadi seorang guru. Peringkat pertemuan di antara 'realiti' dengan keupayaan memenuhi keperluan kerjaya dikatakan sebenar dan seterusnya akan menimbulkan 'kejutan transisi. Dalam masa mula bertugas guru permulaan peringkat 'survival'.

Peringkat ini merupakan peringkat yang paling mencabar kemampuan guru permulaan. Guru permulaan akan prihatin tentang keperluan peribadi dan 'survival' sebagai guru, kawalan bilik darjah, menjadi guru yang disukai pelajar dan kepentingan diri untuk dinilai. (Ryan 1986). Peringkat ini mungkin akan berakhir dalam jangka waktu yang pendek atau akan mengambil masa sedikit masa untuk berakhir (Bullogh 1988).

Pada akhir peringkat 'survival' ini, bermula pula peringkat 'kepakaran' (*mastery*). Pada peringkat ini guru permulaan secara umumnya, telah bertambah yakin dalam mengatasi masalah disiplin pelajar dan pengurusan bilik darjah, di samping fokus utama mereka ialah kemahiran mengajar dan isi kandungan pelajaran yang diajar. Peringkat keempat dalam perkembangan guru ialah peringkat 'impak' (*impact*). Peringkat ini hanya dilalui guru-guru berpengalaman dan guru-guru pakar.

TINJAUAN KAJIAN YANG BERKAITAN

Kajian tentang masalah yang dihadapi oleh guru permulaan telah dijalankan sejak awal abad kedua puluh lagi (Johnston 1978). Mengajar pada tahun pertama dan kedua merupakan pengalaman yang bermakna bagi guru permulaan. Mereka juga menghadapi banyak masalah bila berada dalam situasi pengajaran sebenar di bilik darjah. Veenman (1984) memberi istilah pengalaman ini sebagai 'kejutan realiti' atau 'kejutan transisi'.

Banyak kajian memberi bukti yang pelajar-pelajar semasa mereka dalam latihan perguruan mempunyai sikap ideal, progresif atau liberal terhadap pendidikan (Husssein 1992). Apabila mereka menceburkan diri sebagai guru (permulaan) sikap mereka berubah menjadi tradisional dan konservatif atau terlalu mengawal (Hoy 1969 dalam Husein 1992).

Kajian Adam (1982) cuba melihat perubahan persepsi dan tingkah laku guru permulaan. Beliau merumuskan bahawa perhatian guru permulaan terhadap aspek pentadbiran dan hubungan dengan ibu bapa pelajar meningkat setelah beberapa tahun mengajar. Walau bagaimanapun, Adam (1982) mendapati masalah disiplin dan memotivasikan pelajar masih kekal sebagai masalah yang paling tinggi dalam jangkamasa lima tahun pertama tahun mengajar.

Elias, Fisher dan Simon (1980) mendapati guru permulaan menghadapi masalah untuk mendapatkan bahan pengajaran dan bahan untuk menilai kerja pelajar. Mereka juga mendapati guru permulaan berasa terasing dan tidak tenteram pada tahun pertama mereka mengajar. Selain itu Johnston dan Ryan (Griffin 1985) merumuskan bahawa empat aspek yang dihadapi oleh guru permulaan ialah perancangan dan penyusunan pengajaran, penilaian kerja pelajar, memotivasikan pelajar dan penyesuaian kepada persekitaran pengajaran.

Varah, Theune dan Parker (1986) telah mencuba mengenalpasti jenis-jenis masalah yang dihadapi oleh guru permulaan di bilik darjah. Mereka mendapati bahawa guru-guru permulaan menghadapi masalah untuk mengekalkan disiplin bilik darjah, menilai kerja pelajar dan kemahiran dalam menggunakan bahan pengajaran yang sesuai.

Cooke dan Phang (1991) telah menjalankan kajian ke atas tiga kategori guru permulaan di Hong Kong iaitu terlatih, tidak terlatih dan separa terlatih. Kajian yang dibuat berdasarkan kaedah soalselidik dengan menyenaraikan 67 item yang dianggap berkemungkinan sebagai masalah kepada guru permulaan di Hong Kong. Hasil kajian mendapati bahawa masalah utama guru permulaan ialah berhadapan dengan pelajar-pelajar yang kebolehan belajar yang berbeza, mengajar pelajar-pelajar yang lambat pencapaian pelajaran, keupayaan kelas yang diajar berbeza-beza, kekurangan masa serta menghadapi pelajar yang pencapaian Bahasa Inggerisnya rendah.

Odell (1986) telah mengkaji keberkesanan program induksi dan hasil kajiannya beliau mendapati dua keperluan yang diutamakan oleh guru permulaan iaitu mendapatkan maklumat asas tentang sekolah dan mendapatkan sumber atau bahan yang terbaik untuk mengajar.

Di Malaysia beberapa kajian telah dijalankan untuk mengenalpasti masalah dan keperluan guru dan guru permulaan. Shahbudin (1986) dalam kajiannya tentang tugas guru di dua buah sekolah menengah di Muar, Johor, mendapati masa bekerja guru ialah 44.28 jam seminggu berbanding dengan 35.50 jam bagi pegawai lain.

Kajian yang dijalankan oleh Noraini Mohd. Salleh dan Chang Lee Hoon (1992), menunjukkan beban kerja mengajar bagi guru permulaan sangat berbeza antara mereka. Ada yang mengajar 19 waktu seminggu dan ada pula yang mengajar 35 waktu seminggu. Walaupun purata waktu mengajar seminggu adalah 24 waktu, kebanyakan daripada guru permulaan lebih daripada itu.

Guru baru juga memainkan peranan sebagai guru tingkatan dan ini termasuk kelas-kelas yang menghadapi peperiksaan iaitu tingkatan tiga dan tingkatan lima. Selain tanggungjawab di bilik darjah, guru permulaan juga diberikan tugas di luar bilik darjah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa mereka memikul kerja dalam bidang profesional, para profesional dan bukan profesional.

Selain itu hasil tinjauan yang dijalankan mendapati bahawa guru permulaan menyatakan, pengendalian pihak sekolah terhadap mereka tidak memenuhi jangkaan. Suatu perkara yang ketara ialah pihak sekolah tidak dapat mengaitkan tugas dan peranan mereka mengikut bidang pengkhususan sekolah masing-masing.

Kajian yang dijalankan oleh Jamali (1993) yang bertajuk 'Masalah Guru Permulaan dalam Bidang Kokurikulum di Sekolah', menunjukkan bahawa guru-guru permulaan lepasan Maktab Perguruan Kinta, Ipoh yang mengajar di sekolah rendah, menghadapi masalah yang paling utama ialah dalam "rumpun aktiviti kokurikulum", diikuti dengan keperibadian murid, teknik pelaksanaan Kokurikulum, alatan yang digunakan dan pengurusan kelas.

Dalam kajian Mohd. Nasir (1994) terhadap guru permulaan di sekolah-sekolah rendah di Negeri Sembilan, didapati bahawa guru permulaan ini menghadapi masalah yang paling utama ialah keperibadian murid, diikuti dengan kegiatan kokurikulum, kaedah pengajaran, pengurusan bilik darjah dan bahan pengajaran. Kajian tersebut juga mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan masalah antara guru permulaan lelaki dengan guru permulaan wanita.

Kajian yang dijalankan oleh Ng Foo Seong (1995), mendapati bahawa masalah utama yang dihadapi oleh guru permulaan di sekolah-sekolah menengah di Daerah Muar Johor, adalah masalah disiplin di bilik darjah. Kajian beliau juga mendapati bahawa guru-guru permulaan ini mendapat bantuan yang rendah/sedikit daripada sistem sekolah untuk membolehkan mereka memenuhi keperluan sosialisasi.

Kajian Mazni (2000), ke atas 63 orang guru permulaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menunjukkan bahawa yang utama yang dihadapi oleh guru permulaan ialah mengenakan tindakan dan pengawalan disiplin pelajar dan menguruskan bilik darjah.

KAEDAH KAJIAN

REKA BENTUK KAJIAN

Pengkaji menggunakan kaedah tinjauan.. Melalui kaedah ini juga masa dapat dijimatkan dan pengumpulan data akan lebih berkesan (Wiersma 1995).

POPULASI DAN SAMPEL KAJIAN

Populasi kajian adalah seramai 733 orang guru permulaan lelaki dan guru permulaan perempuan di sekolah-sekolah menengah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sampel kajian adalah terdiri daripada 250 guru-guru baru yang telah melaporkan diri di sekolah-sekolah pada tahun 1999, 2000 dan 2001. Kaedah persampelan yang digunakan ialah persampelan rawak mudah.

ALAT KAJIAN

Pengkaji menggunakan soal selidik dalam kajian ini.

Kajian Rintis

Kajian rintis ini adalah bertujuan untuk menjamin kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik yang dibentuk. Nilai Alpha bagi keseluruhan 40 item ialah 0.9740.

TATACARA PENGANALISISAN DATA

Data-data yang diperoleh dikodkan dan dimasukkan ke dalam komputer seterusnya dianalisis dengan menggunakan ' *Statistical Package For The Social Science* '(SPSS) versi 9.0. Beberapa cara digunakan untuk mendapatkan jawapan kepada soalan-soalan kajian. Min dan peratus untuk melihat masalah yang paling utama. Ujian t meninjau perbezaan masalah antara lelaki dan perempuan. Analisis Varian Sehalu untuk melihat masalah di tiga jenis sekolah menengah. Manakala frekuensi untuk melihat kekerapan dan bantuan yang diberi. Tahap signifikan yang digunakan dalam penganalisisan data ialah < 0.05 .

Kepentingan Kajian

- i. Dapat memberi panduan atau makluman kepada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menilai semula kursus praperkhidmatan perguruan.
- ii. Kementerian dan juga JPN dalam menjalankan usaha dalam memberi bantuan kepada guru-guru permulaan.
- iii. Kepada pihak universiti dan maktab perguruan hasil kajian dapat dijadikan perbincangan dengan guru-guru pelatih.
- iv. Kepada pihak pengurusan sekolah kajian ini membolehkan bantuan diberi kepada guru-guru permulaan.
- v. Kajian ini akan dapat memberi sumber ilmu kepada bidang pentadbiran pendidikan.

RUMUSAN DAN PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Rumusan dapatan kajian akan dihuraikan dalam dua bahagian. Bahagian pertama ialah rumusan dan perbincangan dari dapatan profil responden secara keseluruhan dan bahagian kedua pula rumusan dan perbincangan berkaitan dengan persoalan kajian. Penjelasan dan perbincangan dapatan kajian adalah mengikut sub-topik yang akan dijelaskan.

Rumusan Kajian Profil Responden

Hasil analisis profil responden iaitu berhubung dengan jantina, umur, kelulusan akademik, pengalaman mengajar, keinginan responden untuk kekal dalam profesion dan profil sekolah responden adalah seperti berikut:

- i. Bilangan guru permulaan perempuan adalah lebih ramai daripada guru permulaan lelaki di sekolah-sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- ii. Terdapat 23.2 peratus guru-guru permulaan di Kuala Lumpur yang berumur lebih daripada 30 tahun.
- iii. Terdapat guru-guru permulaan mengajar mata pelajaran bukan opsyen (36.8%).
- iv. Seramai 22.8% guru-guru permulaan mengajar di kelas-kelas yang mempunyai bilangan pelajar lebih daripada 40 orang dalam satu kelas.
- v. Seramai 44 orang (17.6%) guru permulaan yang mengajar kelas-kelas peperiksaan iaitu tingkatan tiga dan tingkatan lima.
- vi. Terdapat guru-guru permulaan yang akan meninggalkan profesion perguruan dalam tempoh 5 tahun lagi (12.4%).

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa guru-guru permulaan diberi tugas mengajar kelas-kelas peperiksaan iaitu 13.6% mengajar tingkatan tiga dan 4.8% mengajar tingkatan lima. Menurut kajian Noraini dan Chang (1992) daripada 67 orang guru permulaan yang dikaji, seramai 23 orang (22.3%) mengajar tingkatan tiga dan 10 orang (9.7%) mengajar tingkatan lima. Hasil kajian itu mendapati guru-guru permulaan yang mengajar kelas-kelas peperiksaan berasa tanggungjawab yang diberi itu satu tekanan dan bebanan kepada mereka.

Selain itu bilangan pelajar yang ramai di dalam sesebuah kelas akan menimbulkan masalah disiplin dan kawalan, serta masalah yang berkait dengan penilaian pembelajaran dan keperibadian pelajar. Hasil kajian menunjukkan bahawa 56 orang (22.8%) guru-guru permulaan mengajar kelas-kelas yang mempunyai jumlah pelajar 40 orang dan lebih. Dengan ini bermakna guru-guru permulaan akan menghadapi masalah pengawalan disiplin pelajar, penilaian pembelajaran serta masalah-masalah yang berhubung dengan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Menurut Gold (1985), saiz kelas yang besar dengan pelajar yang mempunyai pelbagai tahap kecerdasan menyebabkan guru-guru tidak dapat mengawal keadaan. Masa guru-guru akan lebih banyak ditumpukan untuk mengawal disiplin dan menasihati pelajar. Dengan ini pada pendapat pengkaji, proses pengajaran dan pembelajaran terganggu kerana jumlah minit bagi sesuatu mata pelajaran antara 35-40 minit sahaja.

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa 31 orang (13.4%) guru permulaan akan meninggalkan profesion perguruan dalam tempoh kurang daripada lima tahun. Kajian Ratnam (1984), juga menunjukkan keadaan yang sama, di mana 29.8% dari 262 orang guru permulaan dalam kajian beliau, menyatakan akan meninggalkan profesion perguruan dalam tempoh yang sama. Di sini menunjukkan ada perkaitan antara masalah dengan kepuasan kerja seseorang guru.

Rumusan dan Perbincangan Berdasarkan Persoalan Kajian

i. Masalah-Masalah yang dihadapi oleh Guru-Guru Permulaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat dua masalah profesionalisme yang utama dihadapi oleh guru permulaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu masalah keperibadian pelajar dan masalah perkembangan profesionalisme.

Hasil kajian yang dibuat ke atas 250 responden menunjukkan bahawa guru-guru-guru permulaan menghadapi masalah yang utama dalam keperibadian pelajar ($\text{min}=3.33$). Ini bermakna dapatan kajian pengkaji telah menyokong dapatan kajian Mohd. Nasir (1994) yang juga mendapati masalah utama guru-guru permulaan di Negeri Sembilan ialah masalah keperibadian pelajar. Manakala kajian Mazni (2001) ke atas 63 orang guru permulaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, mendapati masalah utama guru-guru permulaan ialah masalah pengawalan disiplin pelajar ($\text{min}=3.78$). Seterusnya guru-guru permulaan dalam kajian pengkaji, menghadapi masalah perkembangan profesionalisme ($\text{min}=3.00$).

ii. Perbezaan Masalah Berdasarkan Jantina

Hasil kajian mendapati bahawa guru-guru permulaan lelaki ($n=30$) menghadapi masalah yang lebih berbanding dengan guru-guru permulaan perempuan ($n=220$). Walau bagaimanapun data yang diperolehi menunjukkan perbezaan min di antara guru permulaan perempuan ($\text{min}=2.54$) dengan guru permulaan lelaki ($\text{min}=25.8$), hanyalah sedikit ($\text{min} = 0.4$) sahaja. Dapatan kajian pengkaji ini sekali gus menolak dapatan kajian-kajian lain. Kajian Mohd. Nasir (1994) di Negeri Sembilan menunjukkan guru perempuan menghadapi masalah yang lebih daripada guru perempuan. Begitu juga dengan kajian yang dijalankan oleh B.L Cooke dan K.C Phang (1991) di Hong Kong yang mendapati guru-guru permulaan perempuan menghadapi masalah yang lebih daripada guru-guru permulaan lelaki.

Keputusan Ujian t menunjukkan bahawa terdapat dua komponen masalah yang mempunyai perbezaan yang signifikan berdasarkan jantina. Perbezaan tersebut ialah masalah kegiatan kokurikulum dan perkembangan profesionalisme

iii. Perbezaan Masalah Berdasarkan Kategori Sekolah

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji meliputi sekolah menengah harian, sekolah menengah kawalan dan sekolah menengah berasrama di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Fokus kajian ini bertujuan untuk melihat perbezaan masalah yang dihadapi oleh guru-guru permulaan yang mengajar di antara sekolah-sekolah tersebut.

Hasil analisis ANOVA sehala menunjukkan hanya terdapat dua komponen masalah yang mempunyai perbezaan yang signifikan antara ketiga-tiga kategori sekolah. Komponen masalah yang pertama ialah masalah beban kerja. Komponen kedua yang mempunyai perbezaan yang signifikan ialah masalah disiplin

iv. Bantuan Yang Diterima oleh Guru-Guru Permulaan

Fokus perbincangan selanjutnya ialah hasil dapatan berkaitan dengan bantuan yang diterima oleh guru-guru permulaan di Wilayah Persekutuan. Analisis yang menggunakan frekuensi dan peratus menunjukkan bahawa seramai 151 orang (60.4%) responden mendapat bantuan, tetapi tidak sepenuhnya, manakala seramai 98 orang (39.2%) responden mendapat bantuan sepenuhnya dan hanya seorang (0.4%) responden mendapat sedikit bantuan. Ini menunjukkan bahawa 99.6% responden telah mendapat bantuan tetapi setakat mana bantuan yang diberi itu membantu responden merupakan satu perkara yang berbeza.

Kajian juga telah dibuat untuk melihat setakat mana bantuan yang diterima oleh guru-guru permulaan dapat membantu menyelesaikan masalah mereka. Seramai 147 orang (58.8%) responden menyatakan bahawa bantuan yang diterima itu kebanyakannya dapat mengurangkan masalah. Manakala . Seramai 100 orang (40.0%) menyatakan bahawa sebahagian daripada bantuan itu dapat mengurangkan masalah. Hanya dua orang (0.8%) responden berpendapat bahawa bantuan yang diberi hanya sedikit sahaja dapat mengurangkan masalah dan seorang sahaja (0.4%) responden yang menyatakan bantuan yang diterima tidak dapat mengurangkan masalah yang mereka hadapi. Bantuan-bantuan yang diterima oleh guru-guru permulaan ini terdiri daripada warga sekolah sendiri. Seramai 194 orang (77.6%) responden menerima bantuan daripada guru-guru biasa yang berpengalaman. Manakala seramai 48 orang pula (19.2%) telah berbincang dengan guru-guru baru seperti responden sendiri, hanya 5 orang (2.0%) responden yang pergi menemui atau berbincang dengan pihak pengurusan (pengetua dan penolong kanan) tentang masalah yang mereka hadapi. Hanya 2 orang (0.8%) yang cuba menyelesaikan masalah mereka sendiri tanpa meminta atau menerima bantuan daripada pihak lain.

Dapatan kajian Mohd. Nasir (1994) menunjukkan seramai 62 orang (48.4%) daripada responden kajian beliau menyatakan bahawa bantuan yang mereka terima kebanyakannya dapat mengurangkan masalah dan 65.6% responden beliau telah menemui guru-guru biasa yang berpengalaman untuk berbincang dan mendapatkan bantuan bagi mengurangkan masalah.

Salhah (1992) pula mengatakan bahawa guru-guru permulaan memerlukan bimbingan dan bantuan yang berterusan dan guru-guru sekolah merupakan mereka yang paling banyak pengalaman dalam konteks pengajaran dan pembelajaran. Mereka ini boleh menjadi kumpulan sokongan untuk mendorong minat guru-guru permulaan meneruskan kerjaya. Guru-guru yang berpengalaman mempunyai pengaruh yang kuat ke atas guru permulaan. Pengalaman yang

berasaskan sekolah adalah unik dalam persekitaran pengajaran pembelajaran yang amat bermakna.

v. Cadangan-Cadangan Untuk Mengurangkan Masalah Profesionalisme

Fokus kajian pengkaji seterusnya ialah mendapatkan cadangan-cadangan daripada guru-guru permulaan tentang cara-cara untuk mengatasi masalah yang mereka hadapi. Terdapat tiga bahagian cadangan yang dikemukakan oleh responden iaitu semasa latihan praperkhidmatan, kepada pihak pengurusan sekolah dan Kementerian Pendidikan Malaysia atau Jabatan Pendidikan Negeri. Dalam bahagian ketiga, cadangan responden lebih kepada Jabatan Pendidikan Negeri.

a. Cadangan Semasa Latihan Praperkhidmatan

Hasil kajian mendapati seramai 245 orang (98.0%) responden menyatakan guru-guru pelatih perlu diberi pendedahan awal tentang sistem persekolahan sebenar. Seramai 238 orang (95.2%) pula mencadangkan tempoh latihan praperkhidmatan guru-guru pelatih perlu dipanjangkan. Manakala seramai 234 orang (92.8%) pula memberi cadangan supaya guru-guru pelatih diberi kursus khas tentang pentadbiran dan pengurusan kelas termasuk kerja-kerja perkeranian (tugas bukan mengajar). Sementara itu seramai 164 orang (65.6%) guru-guru permulaan mencadangkan supaya penekanan harus diberi dalam merancang, melaksana dan menilai kegiatan kokurikulum semasa latihan praperkhidmatan dan seramai 142 orang (56.8%) guru permulaan mencadangkan agar guru-guru pelatih diberi latihan dalam cara-cara menangani disiplin pelajar.

b. Cadangan Untuk Pihak Pengurusan Sekolah

Dalam bahagian cadangan untuk pihak pengurusan pula, semua responden (n=ramai 250) mencadangkan supaya mereka diberi taklimat tentang tanggungjawab mereka di sekolah dari semasa ke semasa. Seramai 243 orang (97.2%) memberi cadangan supaya pihak pengurusan sekolah mengadakan kursus-kursus atau bengkel yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran. Manakala seramai 241 orang (96.4%) mencadangkan supaya guru-guru permulaan diberi tugas dan tanggungjawab yang seadilnya. Seramai 156 orang (62.4%) pula memberi cadangan agar pihak pengurusan membuat penyeliaan yang sekerap mungkin ke atas mereka. Sementara seramai 152 orang (60.8%) mencadangkan diwujudkan sistem mentorani antara guru-guru permulaan dengan guru-guru yang berpengalaman. Seterusnya 123 orang (49.2%) mencadangkan guru-guru permulaan diberi peluang untuk menyertai kursus, seminar atau bengkel yang diadakan oleh pihak-pihak luar berhubung dengan profesionalisme perguruan. Manakala seramai 87 orang (34.8%) memberi cadangan supaya pihak pengurusan sentiasa memberi sokongan serta motivasi kepada guru-guru permulaan.

c. Cadangan Kepada Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah.

Responden kajian juga telah memberi cadangan kepada pihak Kementerian Pendidikan atau Jabatan Pendidikan Negeri. Seramai 243 orang responden (97.2%) mencadangkan supaya diadakan kursus, seminar atau bengkel berkaitan dengan perkembangan profesional. Manakala 238 orang (95.2%) pula memberi cadangan agar guru-guru permulaan diberi penerangan awal atau taklimat sebelum mereka melapor diri ke sekolah. Selain itu seramai 232 orang (92.8%) mencadangkan supaya diadakan sesi dialog atau perbincangan dari masa ke semasa berhubung dengan masalah-masalah guru-guru permulaan. Seramai 231 orang (92.4%) mencadangkan supaya pihak jabatan pendidikan memberi panduan tentang cara-cara perlantikan, pengesahan, gaji dan perkara-perkara lain. Manakala seramai 97 orang (38.8%) mencadangkan dijalankan penyeliaan ke atas guru-guru permulaan ke sekolah dari semasa ke semasa.

Dari analisis data berhubung dengan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh guru-guru permulaan, dapatlah dirumuskan bahawa guru-guru permulaan memerlukan pendedahan sebenar dalam kerjaya sebagai seorang guru. Mereka juga perlu diberi panduan tentang perkara-perkara berhubung dengan perkhidmatan dan peningkatan profesionalisme mereka di samping sokongan padu daripada pelbagai pihak dalam sistem pendidikan kita.

vii. Pendapat Pengetua Tentang Masalah Guru-Guru Permulaan

Pengkaji telah mendapatkan pendapat pengetua berhubung dengan masalah guru-guru permulaan. Fokus kajian pengkaji adalah untuk melihat adakah masalah yang dihadapi oleh guru permulaan itu sama seperti apa yang dilihat oleh pihak pengetua. Rumusan dan perbincangan adalah mengikut komponen masalah.

Dari komponen masalah kaedah pengajaran, seramai 19 orang (76.0%) pengetua, menyatakan bahawa guru-guru permulaan menghadapi masalah yang sederhana dalam mengenal pasti kaedah dan teknik mengajar, hanya dua orang (98.0%) menyatakan guru menghadapi masalah yang menyulitkan dalam aspek ini. Selain itu terdapat seramai 4 orang (16.0%) pengetua mendapati guru-guru permulaan mempunyai masalah yang menyulitkan dalam aspek menggunakan kaedah pembelajaran yang dipelajari dengan berkesan. Manakala seramai 11 orang (44.0%) pengetua menyatakan guru-guru permulaan menghadapi masalah yang menyulitkan dalam menjalankan aktiviti pemulihan untuk pelajar-pelajar lemah.

Dalam komponen beban tugas pula, seramai 2 orang (8.0%) pengetua mendapati guru permulaan menghadapi masalah yang serius dalam aspek menyelesaikan pelbagai kerja perkeranian dan lain-lain tugas bukan mengajar. Masalah ini sememangnya diakui oleh guru-guru permulaan, di mana dalam pemeringkatan masalah, aspek ini mempunyai kedudukan min yang paling tinggi (3.39). Dengan sebab itu, guru-guru permulaan mencadangkan supaya guru-guru pelatih diberi kursus khas dalam aspek ini semasa mengikuti latihan perguruan.

Selain itu terdapat 4 orang (1.0%) pengetua menyatakan guru-guru permulaan menghadapi masalah yang menyulitkan dalam menjalankan tugas-tugas pengajaran yang ditetapkan. Manakala 6 orang (24%) pengetua berpendapat guru-guru permulaan menghadapi masalah yang menyulitkan dalam menghabiskan sukatan pelajaran. Pada pendapat pengkaji senario ini berlaku kerana guru-guru permulaan tidak diterangkan dengan jelas apa yang perlu mereka lakukan untuk menjalankan tugas-tugas pengajaran yang telah ditetapkan ataupun bila dan bagaimana menghabiskan sukatan pelajaran yang telah dirancang. Guru-guru permulaan ini

tidak diterangkan tentang jangka masa yang perlu mereka ambil untuk proses pengajaran dan pembelajaran ataupun menghabiskan sukatan pelajaran. Kemungkinan pada peringkat awal iaitu pada tahun pertama guru-guru permulaan masih tidak berkeyakinan dan berkeupayaan seperti guru-guru yang lebih berpengalaman. Justeru itu seliaan perlu dijalankan oleh pengetua, penolong kanan, guru kanan atau rakan sejawat yang lain. Dengan adanya seliaan ini maka segala perkembangan atau masalah guru-guru permulaan berhubung dengan beban tugas ini akan dapat diatasi dari semasa ke semasa.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian dalam aspek bahan pengajaran menunjukkan bahawa pengetua berpendapat bahawa guru permulaan menghadapi masalah yang menyulitkan dalam setiap aspek. Seramai 9 orang (36.0%) pengetua menyatakan bahawa guru permulaan menghadapi masalah yang menyulitkan dalam aspek menggunakan bahan yang sesuai untuk aktiviti pengayaan dan pemulihan. Seramai 11 orang (20.0%) pula menyatakan perkara yang sama dalam aspek menyediakan alat bantu mengajar tambahan untuk pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Manakala seramai 14 (56.0%) pengetua menyatakan guru permulaan menghadapi masalah yang menyulitkan dalam mencari bahan yang sesuai untuk aktiviti pengayaan dan pembelajaran.

Dalam komponen masalah disiplin pelajar, seramai 22 orang (88.0%) guru permulaan menghadapi masalah yang menyulitkan dalam mengekalkan ketenteraman dan kawalan di bilik darjah. Seramai 7 orang (28.0%) pula menyatakan guru permulaan menghadapi masalah yang serius dalam mengawal pelajar yang agresif dan mengganggu kelas. Seramai 7 orang (28.0%) berpendapat bahawa guru permulaan menghadapi masalah yang serius dalam menggunakan teknik-teknik membina tingkah laku yang sesuai dan 10 orang (40.0%) pengetua berpendapat guru permulaan menghadapi masalah yang menyulitkan dalam menyedarkan pelajar supaya dapat menggunakan masa dengan baik.

Komponen masalah yang seterusnya ialah masalah perhubungan kemanusiaan. Seramai 2 orang (8.0%) pengetua berpendapat guru-guru permulaan menghadapi masalah yang menyulitkan dalam memberi sokongan dan kerjasama kepada pihak pengurusan. Manakala seramai 4 orang (16.0%) menyatakan bahawa guru permulaan menghadapi masalah yang menyulitkan dalam aspek mengadakan suasana mesra dan hormat menghormati antara guru dan pelajar dalam bilik darjah. Manakala 2 orang (8.0%) pula menekankan bahawa guru permulaan menghadapi tahap masalah yang sama dalam aspek menjalin hubungan baik dengan ibu bapa.

Analisis data berhubung dengan pengurusan bilik darjah didapati hanya seramai 12 orang (48.0%) pengetua berpendapat bahawa guru permulaan menghadapi masalah yang serius dalam menghadapi bilangan pelajar yang ramai dalam sesebuah kelas. Manakala 7 orang (28.0%) pengetua berpendapat guru permulaan menghadapi masalah yang serius dalam menggunakan ruang kelas yang sesuai untuk mengadakan ruang pembelajaran.

Dalam komponen masalah penilaian pembelajaran pelajar, seramai 5 (20.0%) orang pengetua berpendapat guru-guru permulaan menghadapi masalah yang menyulitkan dalam menentukan tahap pembelajaran dan prestasi pelajar. Manakala seramai 10 orang (40.0%) pula berpendapat bahawa guru permulaan menghadapi masalah yang menyulitkan dalam aspek mengadakan beberapa cara penilaian seperti penilaian lisan, bertulis dan baca. Sementara itu seramai 8 orang (32.0%) pengetua menyatakan guru-guru permulaan menghadapi masalah yang menyulitkan dalam menyediakan tugas yang sesuai antara tahap pembelajaran dengan tahap pencapaian pelajar.

Dalam komponen kegiatan kokurikulum seramai 10 orang (40.0%) pengetua mendapati guru-guru permulaan menghadapi masalah yang serius dalam aspek merancang dan melaksanakan aktiviti kokurikulum. Manakala 10 orang pengetua (40.0%) berpendapat guru permulaan menghadapi masalah yang menyulitkan dalam menggunakan buku panduan untuk melaksanakan dan menilai kegiatan kokurikulum dan lapan orang (32.0%) pengetua mendapati guru-guru permulaan menghadapi masalah yang menyulitkan dalam menggunakan peralatan dengan cekap untuk kegiatan kokurikulum.

Dalam komponen perkembangan profesionalisme, seramai 2 orang (8.0%) pengetua menyatakan guru permulaan menghadapi masalah yang serius dalam aspek mendapatkan maklumat tentang perkhidmatan seperti soal perlantikan, gaji dan lain-lain. Manakala seramai 5 orang (20.0%) pengetua berpendapat guru permulaan menghadapi masalah yang menyulitkan dalam aspek mengikuti dasar dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak sekolah dan seramai lapan orang (32.0%) pula berpendapat guru permulaan menghadapi masalah yang menyulitkan dalam aspek mengatasi kebimbangan kerana penyeliaan pengajaran daripada pihak pengetua atau nazir sekolah.

IMPLIKASI KAJIAN

i. Perancangan dan Reka bentuk Latihan Praperkhidmatan

Dalam usaha mewujudkan perguruan sebagai satu bidang yang mempunyai martabat yang tinggi, segala usaha perlu dibuat pada peringkat awal lagi. Justeru itu untuk menghasilkan guru-guru yang profesional dan berkualiti dapatan kajian mempunyai beberapa implikasi untuk membantu guru-guru permulaan dalam menghadapi masalah profesionalisme mereka dengan harapan mereka akan menjadi guru yang produktif lagi berkesan.

Perkara utama yang perlu diberi tumpuan ialah dalam merancang dan mereka bentuk latihan praperkhidmatan perguruan. Kurikulum pendidikan guru di institusi-institusi yang terlibat dengan latihan perguruan praperkhidmatan mestilah mencakupi keperluan dan peranan seseorang guru di sekolah. Adalah menjadi sesuatu yang fungsional dengan memberi latihan dan pendedahan pelbagai peranan guru sekolah kepada bakal-bakal guru. Dengan kata lain, guru-guru dilengkapi dengan sistem persekolahan yang sebenar sebelum guru-guru pelatih melangkah ke sekolah. Pada pendapat pengkaji, perancangan kurikulum atau rekabentuk latihan perguruan praperkhidmatan ini perlu lebih proaktif terhadap keperluan di sekolah pada masa sekarang, misalnya dengan memberi kursus-kursus tambahan dalam soal-soal disiplin dan cara-cara menanganinya.

Selain itu perlu difikirkan supaya guru-guru permulaan mengikuti latihan praktikum dalam jangkamasa yang lebih lama. Dengan cara ini guru-guru pelatih akan dapat menjalankan amali atau praktikal berdasarkan teori-teori yang mereka pelajari dengan lebih berkesan. Mereka akan dapat mengaplikasikannya mengikut kesesuaian situasi di sekolah. Secara tidak langsung, dalam masa latihan praktikum yang panjang ini, guru-guru pelatih akan mengenali dengan sendiri akan sistem persekolahan sebenar, menghayati budaya kerja serta budaya sekolah. Apabila mereka melangkah ke alam pekerjaan yang sebenar maka kejutan realiti atau kejutan transisi tidak akan atau kurang mereka alami. Ini disebabkan mereka telah didedahkan terlebih dahulu dengan sistem persekolahan semasa menjalani praktikum. Guru-guru permulaan sudah bersedia dan berkeyakinan menghadapi apa jua kemungkinan pada peringkat awal. Keadaan ini berbeza dengan bentuk latihan pada masa sekarang. Guru-guru pelatih tidak dapat menjangka apa sebenarnya akan mereka hadapi apabila berada di sekolah.

ii. Peranan Pengetua Sekolah.

Perkembangan potensi guru permulaan khasnya dalam nilai profesionalisme dan sifat kreativiti guru boleh berlaku dengan sebaik-baiknya jika guru itu berada dalam sistem dan suasana pekerjaan yang kondusif. Jika ada struktur organisasi dan sistem sekolah yang terlalu birokratik serta budayanya yang menyekat atau bertentangan dengan perkembangan profesionalisme, maka perkembangan tersebut terbantut dan mati. Mengikut Hoy dan Miskel (1987), sistem sekolah yang berorientasikan profesional adalah lebih sesuai daripada sistem yang berorientasikan birokratik. Ini adalah kerana dalam struktur organisasi profesional, guru-guru mungkin akan meningkatkan lagi komitmen mereka terhadap organisasi dan juga profesion. Dalam hal ini peranan pengetua adalah penting. Pengetua boleh mengubah amalan yang ada supaya serasi dengan kehendak perkembangan profesional.

Oleh yang demikian pengetua perlu prihatin dengan keperluan guru-guru permulaan di sekolah. Pengkaji mencadangkan supaya pengetua menggunakan pelbagai corak kepimpinan atau kepimpinan multi dimensi dengan mengikut keperluan. Contohnya guru-guru permulaan tidak dibebankan dengan tugas-tugas yang terlalu banyak pada peringkat awal. Berikan mereka masa untuk belajar dan memahami tanggungjawab sebagai guru di sekolah terlebih dahulu. Mengikut Model Perkembangan Guru Ryan (1986), seseorang guru itu akan belajar dari persekitaran untuk menjadi seorang guru yang produktif dan seterusnya cemerlang dalam profesionnya.

Selain itu, pengkaji menyarankan supaya pihak pengurusan sekolah menjalankan sistem mentor antara guru-guru berpengalaman dengan guru-guru permulaan. Peranan mentor sebenarnya memberi sokongan moral serta bimbingan agar guru-guru permulaan tidak terkapai-kapai kelemahan dalam arus dan cabaran di sekolah yang mana iani mempercepatkan proses *burnout* di kalangan guru-guru permulaan.

Mentor mestilah mempunyai ilmu, kemahiran dan sikap yang positif dan memahami lebih jelas akan peranan mereka. Mereka berkebolehan menjalankan peranan mereka dengan lebih yakin dan berkesan sebagai '*communicator*', pembantu/pembimbing, '*co-planner*' dan '*co-organiser*' dalam pengurusan bilik darjah (Hamidah 1992). Mentor juga dapat dikatakan sebagai '*life-saver*' kepada guru-guru permulaan terutama di tahun pertama. Setidak-tidaknya ada 'orang' di mana mereka boleh 'menoleh' meminta bantuan dan bimbingan, teman diperlukan.

Ubben Dan Hughes (1992) menegaskan bahawa peranan mentor perlu dilihat dalam konteks yang lebih luas. Amalan ini perlu diberi kepada guru-guru yang dikenal pasti berpotensi menjadi pemimpin. Pendekatan sistem mentor ini pada pendapat pengkaji akan dapat menambahbaikkan sistem penyeliaan klinikal dan menjadikan program penyeliaan rakan sebaya lebih berkesan. Guru-guru pakar atau cemerlang merupakan kumpulan yang dikatakan boleh membantu guru-guru permulaan dalam proses pengajaran di bilik darjah.

Kajian Wildman dan rakan-rakan (1992) telah mengenal pasti lima bidang yang memerlukan bimbingan, iaitu bagaimana mendapatkan kerjasama pelajar, kemahiran pengajaran (*instructional*), tugas-tugas pentadbiran, kekeluargaan dan persekitaran kerja sekolah. Namun begitu pengetua sendiri harus faham tentang konsep serta peranan mentor ini, jika tidak program ini tidak akan berjalan seperti mana yang diharapkan. Begitu juga bukan semua guru berpengalaman boleh memegang peranan mentor ini.

Dengan adanya bantuan yang sistematik dan berterusan, guru-guru permulaan akan berkebolehan menjalankan tugasnya dengan penuh yakin, terutama yang berkaitan dengan pembelajaran diri dan pelajar. Ini akan membawa kepada pengajaran dan pengurusan bilih darjah yang lebih baik dan berkesan.

iii. Peranan Jabatan Pendidikan Negeri

Dalam menangani masalah-masalah guru permulaan ini, pengkaji turut mencadangkan pihak Jabatan Pendidikan Negeri memainkan peranan. Jika dilihat dalam cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh guru-guru permulaan, jelas menunjukkan bahawa peranan Jabatan Pendidikan Negeri adalah penting dalam mewujudkan suasana budaya kerja yang baik di kalangan guru-guru permulaan.

Dalam sistem pendidikan pada masa kini pengurusan guru-guru permulaan secara berkesan harus berdasarkan kepada usaha kolaboratif antara institusi-institusi yang melaksanakan latihan praperkhidmatan perguruan dengan pihak yang menerima guru-guru permulaan iaitu sekolah, JPN dan PPD. Dalam hubungan ini perlu ada satu program khas untuk guru-guru permulaan yang bertujuan untuk membimbing atau membantu mereka dalam menyelesaikan masalah yang mereka hadapi serta meningkatkan kecekapan profesional mereka. Maklumat misalnya, tentang amalan pedagogi yang dijalankan oleh guru-guru permulaan dan masalah-masalah mereka diperoleh oleh institusi-institusi yang berkaitan melalui JPN atau PPD. Dengan itu tindakan akan dapat diambil setelah maklumat-maklumat ini didapati.

Selain itu pada pendapat pengkaji, pihak JPN atau PPD perlu sering mengadakan kursus atau latihan berhubung dengan pengajaran dan pembelajaran. Program-program ini hendaklah dibuat dalam dua peringkat iaitu peringkat dalaman (sekolah) dan peringkat luaran (zon). Di peringkat sekolah misalnya kandungan program ditentukan oleh kehendak-kehendak dan masalah-masalah di sekolah. Manakala peringkat zon pula, kandungan program ditentukan oleh kehendak-kehendak dan masalah pendidikan setempat.

Dicadangkan juga di sini supaya pihak JPN mengambil inisiatif untuk mengadakan sesi dialog dan perbincangan dengan guru-guru permulaan ini. Program ini boleh dilaksanakan dengan dua cara iaitu mengikut tahap pengalaman guru permulaan dan mengikut bidang utama mengajar di sekolah. Selain dapat berbincang dengan pihak JPN, guru-guru permulaan ini dapat berinteraksi antara satu sama lain dan kemungkinan ada perkara-perkara atau masalah yang dapat mereka selesaikan bersama.

KESIMPULAN

Guru permulaan merupakan aset utama dalam sistem pendidikan pada masa akan datang. Guru-guru permulaan inilah yang akan menentukan kecemerlangan para pelajar dan seterusnya kejayaan negara. Kajian ini telah menunjukkan bahawa guru permulaan tidak kira di sekolah harian biasa, sekolah berasrama ataupun sekolah kawalan menghadapi masalah profesional. Masalah-masalah ini berkait dengan kerjaya mereka sebagai seorang guru. Guru-guru permulaan ini pada pendapat pengkaji umpama perahu di tengah lautan. Hanyut atau tidaknya perahu itu adalah terletak pada kemahiran dan pengalaman orang yang mengemudikannya. Sekiranya pengemudi tidak berkemahiran atau berpengalaman maka perahu akan hanyut mengikut arus. Begitu juga dengan guru-guru permulaan mereka perlu dibantu atau dibimbing oleh orang-orang yang berpengalaman dan berkemahiran dalam menempuh arus cabaran dan

masalah yang mereka hadapi. Jika tidak mereka akan hanyut dengan masalah yang kesannya akan menimpa bukan sahaja diri mereka sendiri, malahan sekolah dan secara tidak langsung ke atas sistem pendidikan negara. Bantuan yang diberikan itu mestilah secara berterusan dan bersepadu daripada pihak sekolah, JPN, PPD dan juga institusi yang melaksanakan latihan untuk bakal-bakal guru. Dengan adanya bantuan ini maka guru-guru permulaan akan lebih komitment dengan tugas mereka dan sekolah tempat mereka mengajar dan seterusnya akan lahir guru-guru yang dedikasi dan cemerlang yang memartabatkan profesion perguruan di mata masyarakat.

Rujukan

- Abu Bakar Mohamad. 1997. New teachers in a fully residential school in Malaysia; An exploration of their induction needs. A case study: Tesis Sarjana Pendidikan. University of Bristol.
- Abdul Main Hj. Salimon. 1993. Kepuasan kerja guru dan perkaitannya dengan latar belakang pengurusan, kurikulum dan pengajaran. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Adam, R.D. 1982. A look at changes in teachers perceptions and behavior across time. *Journal of Teacher Education* 33 (4) : 40-43.
- Anthony, D.S. 1988. *Starting to teach. Surviving and succeeding in the classroom*. London: Hogan Page Ltd.
- Alias Baba. 1992. *Statistik penyelidikan pendidikan dan sains sosial*. Bangi: UKM.
- Badura, A. 1986. *Social foundation of thoughts and action*. New Jersey: Prentice Hall.
- Biggs, J.B. & Moore, P.J. 1993. *The process of learning*. New York: Prentice Hall.
- Berlina, D.C. 1995. Teacher expertise. Dlm. Andereson, L. *International Encyclopedia of Teaching and Teacher Education*. 2nd. Edition. Oxford: Elsevier Science.
- B. L. Cooke & K. C Phang. 1991. Entry characteristic of trained and untrained begining teachers. *Educational Research Journal* 3: 19-42.
- Bullogh & Robert, V. 1988. *First year teacher: A Case study*. New York: Teacher College Press.
- Christopher, D. 1999. *Developing teachers: The challenges of lifelong learning*. United Kingdom: Falmer Press.
- Cruickshank, D. R. & Associates. 1980. *Teaching is tough*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall, Inc.

- Colville, S., Macdonald, S. & Smolen, S. 1995. Preparing preservice teacher for diversity in learners. *Journal of Teacher Education* 46 (4) : 295-302
- Corcorn, E. 1981. Transition shock: the beginning teacher's paradox. *Journal of Teacher Education* 32 (3): 19-23
- Darling, H. L. 1989. Teacher profesionalisme and accountability. *The Education Digest*. September 1989.
- Della, F. 1995. *Quality mentoring for student teacher: A Principled approach to practice*. London: David Fulton Publisher.
- Elias, P. Fisher, M.L. & Simon, R. 1990. *Helping beginning teacher through the first year: A review of literature*. New Jersey: Princeton Educational Service.
- Faridon Baharin. 1999. Kecemerlangan sekolah. Kajian sekolah Menengah Agama Maahad Ahmadi, Gemenceh, Negeri Sembilan Darul Khusus. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Gehrke, N., Kay, R. 1984. Socialization of beginning teacher through mentor-protégé Relationship. *Journal of Teacher Education* 35 (3) 21-24.
- Grunnebergs, M. 1979. *Understanding job statisfaction*. London : MacMillan.
- Hamidah Baba. 1992. Kecekapan dan keberkesanan mentoring. *Jurnal Pendidikan Guru*. Kementerian Pendidikan Malaysia. Bil.11/1996.
- Hoy, W.K., & Miskel, C. G. 1982. *Education administration theory: Research and Practice*. New York: Random House.
- Hoffinan, J.V., Edwards, S. A., Neal, S.O, Barnens, S. & Paulissen, M. 1986. A study of state-mandated being teachers programs. *Journal of Teacher Education* 37 (1): 16-21.
- Hussein Mahmood. 1992. Guru permulaan: Pengurusan berkesan. Kertas Kerja Seminar Nasional Ke-2 Pengurusan Pendidikan, di Institiut Aminuddin Baki. 27 November.
- Jamali HJ. Abd. Rahman. 1993. Masalah tugas melaksanakan GERKO di sekolah oleh guru baru lepasan Maktab Perguruan Kinta Ipoh. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jamaluddin Yussof. 1990. Profesional problems of new teachers in the process of adaption In School. *Teacher Education Journal* 6: 37-48
- Janet, M. 1995. *Begining Teacher: Begining Learning*. Phildephia: Open University Press.
- Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan. 1989. Prestasi guru-guru lepasan maktab. Laporan Seminar Kebangsaan Pendidikan Guru. Kementerian Pendidikan Malaysia. Hotel Ramada Renaissance Melaka. 11-13 Disember.
- Kamus Dewan. 1996. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Kerlinger, F. F. 1986. *Foundation of behavioral research* (2nd.Edition). New York: Holt Rinehart & Winston.
- Leedy, P.D. 1997. *Practical Research: Planning and Design*. (6th. Edition). New Jersey . Prantice Hall.
- Low Bee Yan. 1998. A survey of induction of needs of newly qualified english language teachers in selected secondry schools in Malaysia. Tesis Sarjana Pendidikan. University of Bristol.
- Mahadevan a/l Marimuthu. 1990. Kajian keberkesanan kursus dalam perkhidmatan untuk guru-guru mata pelajaran Kemahiran Hidup. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mauer, Ellen, Zimmerman . Jan. 2000. Mentoring new teachers. *Journal of Principal* 79 (3): 8-26
- Mazni Ambak @ Ahmad. 2000. Persepsi guru permulaan terhadap peranan pengetua dalam menangani masalah dan keperluan profesional guru permulaan. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Miles Bryant & DeAnn Currin. 1995. Views of teacher evalution from novice and expert evalutors. *Journal of Curriculum and Supervision* 10 (3) : 250-261.
- Mohammed Sani Hj. Ibrahim. 1992. Institusi perguruan dalam menangani tuntutan Malaysia sebagai negara maju. Keluaran Khas 'Cintai Ibu Kandung', Sempena 70 tahun SITC/MPSI/UPSI.
- Mohammed Sani Hj. Ibrahim. 1998. Guru yang profesional. Kertas Kerja Seminar Pengurusan Sumber Manusia Kali Pertama. Institusi Aminuddin Baki 14-17 Disember.
- Mohammed Sani Hj. Ibrahim. 2000. Bekerja secara berpasukan dalam sektor pendidikan. Kertas Kerja Di Kursus Peningkatan Ketua-ketua Jabatan. Institut Bahasa Melayu Malaysia. 15 November 2000.
- Mohd. Joned Musa. 1995. Concern of beginning secondary science and mathematic teachers. Tesis Sarjana. Program Kembar IAB-University Houston.
- Mohd. Majid Konting. 1994. *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Nasir b. Mohd. Idris. 1994. Masalah profesional guru-guru permulaan di sekolah rendah, di Negeri Sembilan Darul Khusus. Tesis Sarjana . Bangi: UKM.
- Ng Foo Seong. 1995. The extent of induction assistance provided to beginning teacher. Tesis Sarjana. Program Kembar IAB-Universiti Houston.
- Nik Faizah Mustafa. 1995. Mengekalkan motivasi dan kecemerlangan di kalangan guru permulaan. Kertas Kerja 3, Seminar Kebangsaan Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia di Allison Resort Seremban, Negeri Sembilan. 13-15 Mac.

- Noraini Mohd. Salleh & Chang Lee Hoon. 1992. Peranan guru baru di sekolah menengah: Satu Kajian Awal. *Jurnal Guru*. Mei.
- Nor Azizah Mohd . Salleh. 1991. Kajian status guru lepasan UKM. Laporan Penyelidikan. Fakulti Pendidikan UKM.
- Odell, S. J. 1986. Induction support of new teacher: A functional approach. *Journal of Teacher Education* 37 (1): 26-29.
- Odell, S. J. 1992. Teacher mentoring and teacher retention. *Journal of Teacher Education* 43 (3): 163-172.
- Peggy, A.C. 1997. Middle school of mentoring: A work in progress. *Journal of Education* 117 (4): 495-497.
- Pressley, M. & McCormick, C.B. 1995. Advanced educational psychology for educators, researchers and policymakers. New York: Harper Collins College Publisher.
- Ramaiah, Al. 1992. *Kepimpinan pendidikan*. Cabaran masa kini. PJ: IBS.
- Salhah Abdullah. 1992. Sistem mentor untuk guru-guru permulaan. *Jurnal Pendidikan Guru*. Kementerian Pendidikan Malaysia. Bil. 11/1996.
- Saedah Hj. Siraj, Sharir @ Charil Marzuki, Zaini Ishak Lee Pau Wing. 1993. *Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Sekaran, Um. 1992. *Research methods for business: A skill Building Approach*. Southern Illinois University Carbondale.
- Tan Hui Leng dan Asnah Abdul Hamid. 1992. Penyediaan dalam latihan mengajar: Peranannya dalam meningkatkan sendiri guru permulaan. *Jurnal Pendidikan*. Kementerian Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur. Disember.
- Tan Phaih Lee. 1988. The needs of newly qualified teachers. *Jurnal Maktab Perguruan Teruntum* 7 (1): 26-36.
- Theresa, M.B. & Thomas, H. 1990. *Mentoring: Developinng succesful new teachers*. Athens. University of Georgia.
- Trevor, K. & Ann, S.M. 1995. *Issues in mentoring*. London. Routledge.
- Tellez, K. 1992. Mentors by choice not design: Helping-seeking by beginning teachers. *Journal of Teacher Education* 43 (3): 214-221
- Tuckman, B.W. 1978. *Conducting education research*. (2nd. Edition). Florida: Hartcourt Brave Jovanorich Inc.
- Ubben, G.C. Simmons, J.M. & Pasch, M. 1992. Reflective pedagogical thinking. How can we promote it and measure it? *Journal of Teacher Education* 43 (30): 23-3.

- Varah, L. J., Theune, W.S & Parker, L. 1986. Beginning teachers: Sink or swim? *Journal of Teacher Education* 38 (1): 30-34.
- Warnoh Katiman. 1998. Penglibatan guru-guru dalam program perkembangan profesionalisme perguruan ke arah pencapaian pendidikan cemerlangan di abad ke- 21. Seminar Pendidikan Negara. UKM. 26-27 November.
- Wildman, T. M. Magliaro, S. G. Niles, R. A & Niles, J. A. 1992. Teacher mentoring: An analysis of roles, activities and conditions. *Journal of Teacher Education* 43(3): 205-213.
- William Wiersma. 1995. *Research method in education: An introduction* (6th. Editon). Boston: Ally & Bacon.
- Zubaidah Aman. 1998. Kajian burnout di kalangan guru perkaitannya dengan faktor latar belakang guru, tekanan kerja, konflik peranan dan sokongan sosial. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.